



25 Februari 2021
25 February 2021
P.U. (A) 76

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

ORDINAN DARURAT
(PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN
PENYAKIT BERJANGKIT) (PINDAAN) 2021

*EMERGENCY (PREVENTION AND CONTROL OF
INFECTIOUS DISEASES) (AMENDMENT)
ORDINANCE 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

ORDINAN DARURAT (PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT)
(PINDAAN) 2021

Suatu Ordinan yang dimasyhurkan oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

[11 Mac 2021]

BAHAWASANYA disebabkan oleh suatu darurat besar sedang berlaku yang mengancam keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam di dalam Persekutuan berikutan wabak penyakit berjangkit, iaitu Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), suatu Proklamasi Darurat telah dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan pada sebelas hari bulan Januari, dua ribu dua puluh satu:

DAN BAHAWASANYA Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa tindakan serta-merta adalah dikehendaki untuk meminda Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988:

MAKA ADALAH DENGAN INI DIMASYHURKAN SUATU ORDINAN oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Ordinan ini bolehlah dinamakan **Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021**.

(2) Ordinan ini mula berkuat kuasa pada 11 Mac 2021.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], yang disebut “Akta” dalam Ordinan ini, dipinda dalam seksyen 2—

- (a) dengan memotong takrif “inspektor kesihatan”;
- (b) dalam takrif “pegawai diberi kuasa”, dengan menggantikan perkataan “mana-mana inspektor kesihatan, atau mana-mana pegawai” dengan perkataan “mana-mana Pegawai Kesihatan Persekitaran, atau mana-mana orang yang sesuai”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas takrif “Pegawai Kesihatan” takrif yang berikut:

‘ “Pegawai Kesihatan Persekitaran” ertinya mana-mana Pegawai Kesihatan Persekitaran dalam perkhidmatan Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa tempatan termasuk Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran;’.

Pindaan seksyen 10

3. Subseksyen 10(2) Akta dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “atau mendapat tahu” perkataan “atau mempunyai sebab untuk percaya atau mengesyaki”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “dalam borang yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini” dengan perkataan “dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Seksyen baharu 15A

4. Akta dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 15 seksyen yang berikut:

“Perintah bagi memakai peranti pengesanan

15A. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh memerintahkan supaya mana-mana orang yang dijangkiti atau yang dia mempunyai sebab untuk percaya telah dijangkiti, atau mana-mana kontak, untuk memakai apa-apa peranti pengesanan yang diberikan kepadanya.

(2) Peranti pengesanan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah termasuk suatu gelang tangan atau apa-apa peranti yang diberikan oleh pegawai diberi kuasa.

(3) Mana-mana orang yang memusnahkan, merosakkan, menghilangkan atau mengubah peranti pengesanan itu melakukan suatu kesalahan.”.

Seksyen baharu 21A

5. Akta dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21 seksyen yang berikut:

“Arahan Ketua Pengarah

21A. (1) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan apa-apa arahan mengikut apa-apa cara, sama ada secara am atau khusus, kepada mana-mana orang atau golongan orang supaya mengambil apa-apa langkah bagi maksud mencegah dan mengawal apa-apa penyakit berjangkit.

(2) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana arahan Ketua Pengarah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.”.

Bahagian baharu IVA

6. Akta dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian IV bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IVA PENGUATKUASAAN

Kesalahan boleh tangkap

21B. Tiap-tiap kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini adalah suatu kesalahan boleh tangkap.

Kuasa penyiasatan

21C. Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini mengikut Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

Kuasa untuk memberikan maklumat

21D. Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menghendaki mana-mana orang untuk memberikan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit.

Kuasa untuk menangkap

21E. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang diberi kuasa oleh Menteri secara bertulis boleh menangkap mana-mana orang yang dia semunasabahnya percaya telah melakukan atau cuba untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Kanun Tatacara Jenayah hendaklah terpakai.”.

Seksyen baharu 22A

7. Akta dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 22 seksyen yang berikut:

“Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

22A. (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau berse sama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati bersalah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha wajar untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang di bawah Akta ini boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan—

- (a) oleh pekerja orang itu dalam masa penggajiannya;
- (b) oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak orang itu; atau
- (c) oleh pekerja ejen itu dalam masa penggajian pekerja itu dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen yang bertindak bagi pihak orang itu.”.

Penggantian seksyen 24

8. Akta dipinda dengan menggantikan seksyen 24 dengan seksyen yang berikut:

“Penalti am

24. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.”.

Penggantian seksyen 25

9. Akta dipinda dengan menggantikan seksyen 25 dengan seksyen yang berikut:

“Pengkompaunan kesalahan

25. Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa yang diberi kuasa bagi maksud ini oleh Ketua Pengarah secara bertulis boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, pada bila-bila masa sebelum sesuatu pertuduhan dimulakan, mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang telah ditetapkan oleh peraturan-peraturan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah—

- (a) dalam hal seseorang itu merupakan seorang individu, suatu jumlah wang yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; atau
- (b) dalam hal sesuatu pertubuhan perbadanan, suatu jumlah wang yang tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.”.

Pindaan seksyen 31

10. Seksyen 31 Akta dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.”.

DIMASYHURKAN di Istana Negara BETA di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan, pada dua puluh tiga hari bulan Februari, dua ribu dua puluh satu.

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
Yang di-Pertuan Agong

[Akan dibentangkan di Parlimen menurut Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan]

EMERGENCY (PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES) (AMENDMENT)
ORDINANCE 2021

An Ordinance promulgated by the Yang di-Pertuan Agong pursuant to Clause (2B) of Article 150 of the Federal Constitution.

[11 March 2021]

WHEREAS by reason of the existence of a grave emergency threatening the security, economic life and public order of the Federation arising from the epidemic of an infectious disease, namely Coronavirus Disease 2019 (COVID-19), a Proclamation of Emergency has been issued by the Yang di-Pertuan Agong under Article 150 of the Federal Constitution on the eleventh day of January, two thousand twenty one:

AND WHEREAS the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that immediate action is required to amend the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988:

IT IS HEREBY PROMULGATED AN ORDINANCE by the Yang di-Pertuan Agong pursuant to Clause (2B) of Article 150 of the Federal Constitution as follows:

Short title and commencement

1. (1) This ordinance may be cited as the **Emergency (Prevention and Control of Infectious Diseases) (Amendment) Ordinance 2021**.

(2) This Ordinance comes into operation on 11 March 2021.

Amendment of section 2

2. The Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [*Act 342*], which is referred to as the “Act” in this Ordinance, is amended in section 2—

(a) by deleting the definition of “health inspector”;

(b) in the definition of “authorized officer”, by substituting for the words “any health inspector, or any officer” the words “any Environmental Health Officer, or any suitable person”; and

(c) by inserting after the definition of “disinsecting” the following definition:

‘ “Environmental Health Officer” means any Environmental Health Officer in the service of the Government or of any local authority including the Assistant Environmental Health Officer;’.

Amendment of section 10

3. Subsection 10(2) of the Act is amended—

(a) by inserting after the words “or becomes aware of” the words “or has reason to believe or suspect”; and

(b) by substituting for the words “in the form prescribed by regulations made under this Act” the words “in any form as determined by the Director General”.

New section 15A

4. The Act is amended by inserting after section 15 the following section:

“Order for wearing tracing device

15A. (1) An authorized officer may order any person who is infected or whom he has reason to believe to be infected, or any contact, to wear any tracing device provided to him.

(2) The tracing device referred to in subsection (1) shall include a wristband or any device provided by the authorized officer.

(3) Any person who destroys, damages, loses or tampers with the tracing device commits an offence.”.

New section 21A

5. The Act is amended by inserting after section 21 the following section:

“Directions of Director General

21A. (1) The Director General may issue any directions in any manner, whether generally or specifically, to any person or class of persons to take such measures for the purpose of preventing and controlling any infectious disease.

(2) Any person who contravenes any directions of the Director General issued under subsection (1) commits an offence.”.

New Part IVA

6. The Act is amended by inserting after Part IV the following part:

“PART IVA
ENFORCEMENT

Seizable offence

21B. Every offence punishable under this Act shall be a seizable offence.

Power to investigate

21C. An authorized officer shall have all the powers necessary to carry out an investigation under this Act in accordance with the Criminal Procedure Code [Act 593].

Power to furnish information

21D. An authorized officer may require any person to furnish any information relating to the prevention and control of infectious disease.

Power to arrest

21E. (1) An authorized officer who is authorized by the Minister in writing may arrest any person whom he reasonably believes has committed or is attempting to commit an offence under this Act.

(2) For the purposes of subsection (1), the Criminal Procedure Code shall apply.”.

New section 22A

7. The Act is amended by inserting after section 22 the following section:

“Offences by body corporate

22A. (1) If a body corporate commits an offence under this Act, any person who at the time of the commission of the offence was a director, chief executive officer, chief operating officer, manager, secretary or other similar officer of the body corporate or was purporting to act in any such capacity or was in any manner or to any extent responsible for the management of any of the affairs of the body corporate or was assisting in such management—

(a) may be charged severally or jointly in the same proceedings with the body corporate; and

(b) if the body corporate is found guilty of the offence, shall be deemed to be guilty of that offence unless, having regard to the nature of his functions in that capacity and to all circumstances, he proves—

(i) that the offence was committed without his knowledge, consent or connivance; and

(ii) that he had taken all reasonable precautions and exercised due diligence to prevent the commission of the offence.

(2) If any person would be liable under this Act to any punishment or penalty for his act, omission, neglect or default, he shall be liable to the same punishment or penalty for every such act, omission, neglect or default of any employee or agent of his, or of the employee of the agent, if the act, omission, neglect or default was committed—

- (a) by that person's employee in the course of his employment;
- (b) by the agent when acting on behalf of that person; or
- (c) by the employee of the agent in the course of his employment by the agent or otherwise on behalf of the agent acting on behalf of that person.”.

Substitution of section 24

8. The Act is amended by substituting for section 24 the following section:

“General penalty

24. Any person who commits an offence under this Act for which no penalty is expressly provided shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding seven years or to both.”.

Substitution of section 25

9. The Act is amended by substituting for section 25 the following section:

“Compounding of offences

25. The Director General or any authorized officer authorized for this purpose by the Director General in writing may, with the consent in writing of the Public Prosecutor, at any time before a charge is being instituted, compound any offence under this Act or any regulations made under this Act which has been prescribed by regulations as a compoundable offence by making a written offer to the person reasonably suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Director General—

- (a) in the case of a person who is an individual, a sum of money not exceeding ten thousand ringgit; or
- (b) in the case of a body corporate, a sum of money not exceeding fifty thousand ringgit.”.

Amendment of section 31

10. Section 31 of the Act is amended by inserting after subsection (2) the following subsection:

“(3) Regulations made under this Act may prescribe any act in contravention of the regulations to be an offence and may prescribe penalties of a fine not exceeding fifty thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding six months or to both.”.

PROMULGATED at OUR Istana Negara in Kuala Lumpur, the Federal Capital, this twenty-third day of February, two thousand twenty one.

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
Yang di-Pertuan Agong

[To be laid before Parliament pursuant to Clause (3) of Article 150 of the Federal Constitution]